

Pelajar sempurnakan ibadah korban

Archival News | Berita Harian | 09/03/2001

KUALA LUMPUR, Khamis - Lebih 1,000 pelajar dan kakitangan Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Bukit Bandaraya dekat sini, menyempurnakan ibadah korban yang dianjurkan buat pertama kali, hari ini.

Pengetuanya, Datin Suwarni Hassan, berkata majlis korban itu dianjurkan pihak sekolah berkenaan sebagai satu program agama yang dirancang sepanjang tahun ini.

"Kami berusaha sedaya-upaya menganjurkan majlis ini dan ia mendapat sokongan padu ibu bapa, kakitangan dan pelajar.

"Objektif utama program seumpama itu ialah memberi peluang pelajar menghayati ibadah korban di samping mengeratkan hubungan silaturahim," katanya ketika menghadiri majlis itu.

Suwarni berkata, dua ekor lembu disembelih dan sumbangan bagi membeli ternakan itu diterima daripada ibu bapa, kakitangan dan guru.

Tinjauan Berita Harian mendapati kerja melapah, memotong daging serta membungkus turut dilakukan pelajar sekolah berkenaan.

Sementara itu, pembantu makmal sekolah berkenaan, Rosnah Yusof, berkata daging korban itu akan diagihkan kepada rumah anak yatim, ibu tunggal dan penduduk miskin sekitar kawasan Pantai Dalam.

"Daging korban ini akan dimasak terlebih dulu sebelum diagihkan kepada mereka," katanya.

Selain itu, Ahli Jawatankuasa Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG), Abu Hanifah Pandak Yahya, berkata sumbangan ibu bapa amat dihargai dalam menjayakan majlis itu.

(END) Source : Berita Harian